

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)64

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

64. Ketiadaan kemudahan bank komersial di Teluk Bahang telah lama dihadapi oleh penduduk yang menghadapi kesulitan untuk berurusan. Jarak bank yang paling hampir ialah 13 kilometer. Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membuka bank di Teluk Bahang?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

64. Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk membuat sebarang perancangan bagi pembukaan mana-mana bank komersial berikutan ia adalah tertakluk kepada prosedur dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak bank itu sendiri dalam membuka cawangan di sesuatu lokasi. Antara syarat dan kriteria yang dipertimbangkan oleh sesebuah bank komersial adalah meliputi demografi, potensi pasaran, kesesuaian lokasi, pertumbuhan ekonomi kawasan, persaingan. keperluan kawal selia dan undang-undang serta kos operasi. Hal ini kerana, bank komersial merupakan salah satu entiti perniagaan yang mementingkan keuntungan. Kendatipun begitu, ahli yang berhormat atau wakil rakyat kawasan berkenaan boleh mengemukakan permohonan secara terus kepada bank komersial

yang berkaitan bagi tujuan ini.